

16 OCT 2001

MAHATHIR-PELABUR

PELABUR AMERIKA MASIH YAKIN DENGAN MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Syarikat-syarikat Amerika yang merupakan antara pelabur terbesar di Malaysia, masih yakin dengan negara ini sebagai destinasi pelaburan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau berkata keyakinan mereka dalam suasana pelaburan dan kestabilan Malaysia terbukti dengan kenyataan-kenyataan sokongan mereka tentang negara ini.

Daripada ulasan-ulasan mereka, "pelabur Amerika telah menunjukkan keyakinan mereka dengan Malaysia," katanya selepas melancarkan unit amanah baru Permodalan Nasional Bhd di Seri Kembangan, dekat sini.

Dr Mahathir berkata: "Tiada perasaan anti Amerika di sini."

Perdana Menteri mengulas hasil pertemuan beliau dengan para anggota Dewan Perniagaan Malaysia Amerika (AMCHAM) yang diketuai oleh presidennya, Nicholas Zeffreys, dalam satu jamuan makan tengah hari tadi.

Walaupun ada perbezaan pendapat dan pendekatan antara Malaysia dan Amerika Syarikat tentang hal ehwal dunia, "mereka (pelabur Amerika) merasakan Malaysia adalah tempat yang baik untuk melabur dan di mana mereka amat dialu-alukan," kata Dr Mahathir.

Beliau juga berkata sekarang merupakan masa yang baik untuk melabur dalam unit amanah dan pasaran saham tempatan kerana para penganalisis meramalkan ekonomi global dan pasaran saham akan pulih menjelang 2002.

Beliau berkata banyak saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berada di bawah nilai sebenar dari segi aset dan potensi.

"Jadi, sekarang merupakan masa untuk melabur, tetapi ianya untuk jangka panjang," katanya.

Ditanya samada sekarang adalah masa yang betul untuk melabur walaupun dalam kelembapan ekonomi dan ketengangan politik global, beliau menjawab sekarang adalah masa yang betul kerana saham-saham Malaysia telah meningkat dengan petunjuk pasaran, Indeks Komposit (IK), kini di sekitar 618 mata.

IK ditutup 2.05 mata lebih rendah hari ini kepada 616.85 selepas dibuka 1.28 lebih tinggi kepada 620.18.

"Saham-saham dunia juga telah pulih sedikit sementara Purata Perusahaan Dow Jones mencatat prestasi yang lebih baik daripada yang dijangkakan," katanya.

Tentang ulasaan pihak-pihak tertentu yang mengatakan sekarang adalah masa yang salah untuk melabur, beliau berkata: "Adalah salah untuk berkata sekarang bukan masa yang betul kerana persekitarannya baik apabila saham telah meningkat."

Ditanya samada ekonomi Malaysia boleh pulih lebih cepat, Dr Mahathir berkata: "Kita boleh cuba untuk melindungi ekonomi kita dari tekanan-tekanan luaran serta menghalangnya daripada menuju kemelesetan."

Ditanya samada Malaysia boleh mencapai status negara maju atau Wawasan 2020 memandangkan pra-syaratnya adalah purata pertumbuhan 7.0 peratus setahun, beliau berkata: "Kita boleh mencapainya, tetapi kita perlu mempertingkatkan pertumbuhan kita."

"Dahulu, ada kalanya kita mencapai pertumbuhan lebih 8.0 peratus, pada puratanya, jika kita tumbuh kurang 7.0 peratus, kita masih boleh mencapai sasaran kita walaupun pertumbuhan telah berkurangan tiga tahun lepas," katanya.

"Jadi, jika kita cuba mencapai 7.0 peratus, i.e., 7.5-8.0 peratus, kita masih boleh mencapainya," kata Dr Mahathir.

Tentang laporan Asian Wall Street Journal (AWSJ) minggu lepas yang mengatakan ada siasatan terhadap ahli perniagaan Singapura, Akhbar Khan, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu mengenainya, "mungkin AWSJ lebih tahu dari kita."

Laporan itu mengatakan Dr Mahathir telah meminta satu audit dijalankan.

Dr Mahathir menjelaskan: "Kita melihat kepada semua syarikat dan di mana kita buat audit, itu adalah perkara biasa."

Contohnya, isu saham Central Limit Order Book (CLOB) "telah selesai dan pindahan saham telah dilakukan (dan) kita nak tahu apa sebenarnya yang berlaku."

Akhbar Khan menguasai Effective Capital Sdn Bhd, syarikat yang mendapat konsesi tahun lepas untuk mengurus kepulauan saham-saham Malaysia dari pasaran atas kaunter di Singapura ke BSKL. -- BERNAMA

SHO MR JR